

PENGUMUMAN: PENDAFTARAN SUBJEK SEMESTER 2, 2020/2021

Merujuk kepada situasi semasa pandemik COVID-19 dan pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada 26 Oktober 2020, adalah dimaklumkan bahawa aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka adalah **TIDAK DIBENARKAN** bagi IPTS yang berada di Zon Merah. Semua aktiviti PdP dinasihatkan untuk dilaksanakan secara dalam talian (*online*) atau *remote-learning*.

Kolej Islam Antarabangsa (IIC) amat peka terhadap situasi semasa dan cabaran yang perlu dihadapi oleh para pelajar terhadap perubahan normal baharu dalam aktiviti PdP. Dua implikasi utama dilihat menjadi cabaran besar kepada para pelajar adalah kebolehcapaian internet dan kestabilan platform pengajaran. IIC telah mengambil langkah bagi memastikan matlamat dan agenda pendidikan dilestari dan ditambahbaik.

Sehubungan dengan itu, IIC mendapati terdapat sebilangan pelajar yang menghadapi kesukaran untuk membuat pendaftaran subjek bagi Semester 2, 2020/2021. Oleh yang demikian, bagi memudahkan aktiviti PdP, IIC telah mendaftarkan subjek untuk para pelajar yang terkesan.

Untuk makluman, para pelajar dikehendaki mendaftar minimum 18 jam kredit (6 subjek) bagi semester panjang. Hal ini untuk memastikan pinjaman PTPTN pelajar tidak terjejas sepanjang tempoh pengajian dan layak bergraduat dalam jangkamasa yang telah ditetapkan.

Para pelajar boleh melayari **cms.iic.edu.my** bagi menyemak jadual kelas yang terkini. Sila hubungi talian **017-6094066** untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh,

Unit Pembangunan Perniagaan & Komunikasi Korporat
4 Disember 2020, 5.30PM

ANNOUNCEMENT: COURSE REGISTRATION SEMESTER 2, 2020/2021

Referring to the current situation of the COVID-19 pandemic and the circular issued by the Ministry of Higher Education on 26th October 2020, it was announced that Teaching and Learning (PdP) activities via face to face are **NOT ALLOWED** for IPTS located in the Red Zone. All PdP activities are advised to be implemented online or by remote-learning.

International Islamic College (IIC) acknowledges that there are two major challenges faced by students during this new normal: - Internet accessibility and stability of teaching platforms. IIC has taken steps to ensure that PdP activities will not be affected by registering subjects for students whom are facing difficulties in registering subjects for Semester 2, 2020/2021.

For your information, students are required to register a minimum of 18 credit hours (6 subjects) for the long semester. This is to ensure that PTPTN loans are not affected during the study period and students will graduate within the stipulated time.

All Students may browse **cms.iic.edu.my** for the latest class schedule. Please contact **017-6094066** for more information.

Issued by,

Business Development & Corporate Communication Unit
4 December 2020, 5.30PM